

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK LIEW VUI KEONG**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG)**

**SEMPENA**

**LAWATAN KERJA DAN PERASMIAN PEJABAT BAHARU JABATAN  
BANTUAN GUAMAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
OLEH YB MENTERI DAN YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG)**

**7 MAC 2019 (KHAMIS)**

Terima kasih Pengacara Majlis  
Salam Sejahtera, Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysiaku

YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang)

YBhg. Datuk Seri Jalil bin Marzuki  
Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

YBhg. Datuk Haini binti Hassan  
Ketua Pengarah Bantuan Guaman

Yang Berusaha En Mohd Zulbahrin bin Zainuddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)

Yang Berusaha En Muhammad Abdul Karim bin Wahab  
Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)

Warga Jabatan Bantuan Guaman

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Bantuan Guaman kerana sudi menjemput saya dan YB Timbalan Menteri di Program Lawatan Kerja dan Perasmian Pejabat Baharu Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBG WPKL)

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada YBhg. Datuk Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan juga kepada JBG WPKL kerana telah berjaya pindah ke pejabat baharu yang lebih selesa dan mempunyai kemudahan yang lebih canggih untuk pelanggan-pelanggan JBG WPKL. Kejayaan ini menunjukkan kemampuan dan komitmen Jabatan Bantuan Guaman yang sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan JBG. Saya difahamkan bahawa pejabat baharu JBG WPKL yang dilengkapi dengan kemudahan seperti *Queue Management System* (QMS) dan CCTV akan menjadi penanda aras (*bench mark*) kepada pejabat-pejabat JBG yang lain di seluruh Malaysia.

Saya dimaklumkan bahawa JBG WPKL sebelum ini telah menyewa dan berada di Menara Raja Laut (sebelum ini dikenali sebagai Menara EON Bank dan sebelum itu, Menara Cycle & Carriage) sejak awal 1990an. JBG WPKL telah membuat permohonan untuk berpindah atas faktor keselamatan, keadaan pengubahsuaian dalaman pejabat di lokasi pejabat lama sangat tidak kondusif dan sesuai, bilangan bilik khidmat nasihat yang tidak mencukupi dan beberapa alasan lain.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Bantuan Guaman telah memaklumkan kepada saya bahawa proses perpindahan ini tidak mungkin akan berjaya dilakukan tanpa bantuan dan sokongan daripada YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali (TKSUK JPM), YBhg. Datuk Seri Jalil bin Marzuki (KP BHEUU), Bahagian Kewangan JPM, Bahagian Khidmat Pengurusan JPM, Seksyen Pengurusan Fasiliti JPM, Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU dan lain-lain agensi yang banyak membantu proses perpindahan JBG WPKL. Saya difahamkan juga bahawa JBG WPKL telah berpindah keluar dari pejabat lama di Menara Raja Laut pada 24 Januari 2019 dan JBG WPKL telah memulakan operasi di pejabat baharu pada 18 Februari 2019. Izinkan saya bagi pihak JBG untuk memanjangkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua agensi dan semua individu yang telah banyak menghulurkan bantuan kepada JBG.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, saya telah melancarkan Pelan Strategik 2019 – 2023 JBG pada 10 Januari 2019 semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2019 bertempat di Dewan Saksama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Di dalam Teras Strategik 2 iaitu Memantapkan Tadbir Urus, Keupayaan Dan Kapasiti Warga Jabatan Ke Arah Kecemerlangan Organisasi, Strategi 3 Program 1 dengan jelas menyatakan hasrat meningkatkan prasarana dan fasiliti pejabat. Saya kira perpindahan JBG WPKL ke pejabat baru yang dilengkapi dengan kemudahan dan fasiliti yang canggih seperti QMS dan CCTV adalah satu langkah yang positif ke arah merealisasikan Pelan Strategik 2019-2023 JBG.

Kerajaan sedar betapa pentingnya untuk menyediakan persekitaran yang baik dan berkualiti kepada kakitangan sebagai asas kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan penjawat awam berminda kelas pertama. Kerajaan juga amat perihatin bahawa kejayaan penyampaian perkhidmatan awam kepada kumpulan sasar bergantung kepada kecekapan perkhidmatan selain daripada mempunyai pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang bantuan guaman.

Saya pasti dengan adanya pejabat baharu ini suasana bekerja akan lebih kondusif untuk semua warga JBG WPKL dan diharapkan agar perkhidmatan ini dapat memberikan ketenangan bekerja kepada warga kerja Jabatan dalam meningkatkan produktiviti dan mutu penyampaian perkhidmatan awam kepada warga Kuala Lumpur.

Hadirin yang dihormati,

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada YBhg. Datuk Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan JBG WPKL kerana berjaya pindah ke pejabat baharu yang mempunyai kemudahan yang canggih dan selesa bukan sahaja bagi faedah warga JBG WPKL malahan bagi pelanggan-pelanggan JBG WPKL. Perpindahan JBG WPKL ke pejabat baharu adalah demi menyahut seruan kerajaan dalam memastikan semua kakitangan diberi peluang bagi menikmati kemudahan dan faedah yang kondusif.

Tahniah juga kepada seluruh ahli jawatankuasa majlis yang telah bekerja keras untuk memastikan Majlis ini dapat berjalan dengan lancar.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Pejabat Baharu Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

(Tamat)